


PEKELILING BILANGAN 2/2016

PENGGUNAAN COP RASMI DAN DEKLARASI OLEH PENGAMAL BERDAFTAR

1. Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) telah memutuskan bahawa semua **Pengamal Berdaftar** hendaklah menggunakan cop rasmi dan cop deklarasi yang telah ditetapkan oleh BoG untuk Pengamal Berdaftar bagi tujuan penyeragaman.
2. Gambar rajah di bawah menunjukkan contoh cop rasmi serta spesifikasi yang ditetapkan. Cop rasmi ini mengandungi maklumat seperti nama (mengikut rekod daftar BoG), perkataan 'Pengamal (Geologi) Berdaftar' serta nombor daftar penama dengan BoG.

2.1 Cop Rasmi:



Cop Rasmi Pengamal Berdaftar

3. Cop rasmi ini hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan tanpa pindaan. Hanya gelaran yang dianugerahkan seperti Dato', Prof., Dr., dibenarkan. Kelayakan akademik seperti BSc. (Hons) Geology, Phd, dsb. tidak boleh dimasukkan.

4. Selain cop rasmi, Pengamal Berdaftar juga hendaklah membuat cop deklarasasi dengan kenyataan seperti ditunjukkan dalam gambar rajah berikut.

4.1 Cop Deklarasi:

Saya mengesahkan bahawa dokumen, laporan, pelan, spesifikasi atau peta ini telah disediakan oleh saya sendiri atau di bawah seliaan saya, dan saya adalah seorang Pengamal (Geologi) Berdaftar di bawah Akta Ahli Geologi 2008.	
Nama (huruf besar) :	
Tanda tangan :	
No. Pendaftaran:	(Cop)
Tarikh:	Tarikh Tamat :

Perkataan – Font Arial (9 pt)
Saiz kotak – 60mm x 95mm

5. Setiap Pengamal Berdaftar hendaklah membuat cop sendiri berlandaskan contoh dan spesifikasi yang diberi. Cop tersebut hendaklah digunakan dalam segala urusan yang memerlukan pengesahan dan tandatangan sebagai Pengamal Berdaftar seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 27 Akta Ahli Geologi 2008. Penggunaan cop ini hendaklah di bawah kawalan dan tanggungjawab anda sepenuhnya dan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,



HAMADI BIN CHE HARUN, PSK, P.Geol.

Pendaftar,
Lembaga Ahli Geologi
Malaysia.

15 Jun 2016